

29 AUG 1996

PPP-Jemput

BEKAS PEMIMPIN PPP DIJEMPUT BERTANDING JAWATAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Semua bekas pemimpin Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru), sebelum ini dikenali sebagai Parti Kemajuan Rakyat Malaysia (PPP), diberi masa sehingga 6 pagi 3 Sept ini untuk mendaftarkan semula diri sebagai anggota parti dan bertanding bagi jawatan presiden dalam pemilihan parti pada hari yang sama.

Presiden PPP, Datuk M. Kayveas berkata, pelawaan itu, terutama kepada bekas Setiausaha Agung PPP Encik P.V. Das, dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) parti dengan niat untuk menyelesaikan secara muktamad masalah yang melanda PPP sejak lebih 10 tahun lepas.

"Kalau mereka mahu jawatan presiden, daftarkanlah diri sebagai anggota parti dan bertanding pada pemilihan parti 3 Sept ini," katanya pada persidangan berita di ibu pejabat PPP (Baru) di sini hari ini.

Pada 15 Ogos lepas, P.V. Das telah memperolehi perintah sementara Mahkamah Tinggi Seremban bagi menghalang Kayveas daripada memanggil dirinya (Kayveas) sebagai Presiden PPP, anggota PPP, mewakili PPP pada perhimpunan Barisan Nasional (BN) dan membuat pengumuman bagi pihak PPP.

Bagaimanapun, pada 22 Ogos lepas, Kayveas berjaya mendapatkan penggantungan kepada perintah sementara itu melalui Mahkamah Rayuan.

Kayveas berkata, PPP sudah lebih 10 tahun tidak dapat berfungsi dengan sewajarnya kerana terpaksa menghadapi terlalu banyak halangan, terutama perintah mahkamah yang dipohon oleh bekas pemimpinnya.

Katanya, sudah sampai masanya semua bekas pemimpin PPP memberi peluang kepada kepimpinan yang ada untuk melaksanakan tugas parti dengan tenang tanpa gangguan mana-mana pihak.

"Parti PPP pada hari ini adalah parti yang mempunyai organisasi yang kukuh, keahlian yang matang, berdisiplin, bersatu dan dengan perlembagaan yang terkini yang telah diiktiraf oleh Pendaftar Pertubuhan," katanya.

PPP bersetuju sepenuhnya dengan pandangan kerajaan bahawa pentadbiran, pengurusan dan pengawalan sesebuah pertubuhan diputuskan oleh anggota parti sendiri dan bukan pihak luar, katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, CEC bersedia melanjutkan tempoh pencalonan jawatan presiden daripada tengah malam ini kepada 6 pagi 3 Sept bagi membolehkan bekas pemimpin yang berminat mendaftarkan semula keanggotaan mereka dan bertanding bagi jawatan presiden.

Katanya, PPP (Baru) akan mengadakan pemilihan pada tarikh itu sempena perhimpunan agung parti yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN.

Parti itu, yang kini mempunyai anggota berdaftar seramai 80,000 orang, diberi masa sehingga 31 Dis oleh Pendaftar Pertubuhan untuk mendaftarkan semula anggotanya selepas nama dan perlembagaan baru parti diluluskan pada 6 Ogos lepas. -- BERNAMA

AH NMO